

05 MAY 2002

DR MAHATHIR: SUHAKAM JANGAN PEDULI TINDAKAN NGO

LANGKAWI, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) supaya tidak mempedulikan tindakan 32 badan bukan kerajaan (NGO) yang tidak mahu bekerjasama dengan suruhanjaya itu selama 100 hari.

"Siapa peduli NGO," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi selepas mengakhiri lawatannya ke bandaraya pelancongan itu.

Dr Mahathir diminta mengulas tindakan NGO berkenaan termasuk Aliran dan Persatuan Hak Asasi Kebangsaan (Hakam) yang mengambil tindakan itu atas alasan kesal dengan peranan suruhanjaya itu dalam memperjuangkan hak asasi manusia.

Semalam, Presiden Hakam, Ramdas Tikamdas berkata sepanjang dua tahun penubuhan Suhakam, timbul persoalan sama ada isu hak asasi manusia berjaya diperjuangkan sepenuhnya di negara ini.

Ramdas berkata perlantikan pengerusi baru Suhakam Tan Sri Abu Talib Othman dan pengguguran Tan Sri Anuar Zainal Abidin, Prof Mehrun Siraj dan Datuk Dr Salleh Mohd Nor sebagai pesuruhjaya adalah ancaman terhadap kewibawaan suruhanjaya itu.

Ramdas berkata selama 100 hari, kesemua NGO terbabit tidak akan mengadakan sebarang dialog, menghantar memorandum atau aduan kepada Suhakam.

-- BERNAMA

NH MAN PR